

## PERNYAHTAAN SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI PUTRAJAYA PERINGKAT BULAN KEMERDEKAAN TAHUN 2008 PERINGKAT PUTRAJAYA

### SEKRETARIAT

Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) serta Perbadanan Putrajaya merupakan sekretariat kepada sayembara ini. Puisi yang dipilih oleh peserta adalah merupakan salah satu puisi yang termuat dalam antologi puisi **JAMUNG MERDEKA** terbitan **Gapeniaga Sdn. Bhd, tahun 2005**. Pemenang peringkat Putrajaya akan mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya ke peringkat Kebangsaan. Pemilihan puisi di peringkat kebangsaan, akan ditentukan oleh Jawatankuasa teknikal peringkat kebangsaan.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan dengan sayembara ini bolehlah dikemukakan kepada urusetia sayembara di talian 03-8887 7630 (Norsulisa) atau 03-8887 7588 (Haryani). Laman web [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)

### SYARAT PENYERTAAN

Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia, tinggal atau bekerja di Putrajaya, berumur 15 tahun ke atas (*lahir **SEBELUM** atau **PADA** tahun 1992*).

Seseorang peserta hanya LAYAK BERTANDING SEKALI SAHAJA dalam mana-mana peringkat Sayembara Deklamasi Puisi Patriotik tahun 2008 anjuran KPKKW (daerah/negeri/PDRM/ATM/IPT dan sebagainya).

Peserta di Peringkat Negeri dikehendaki menghafal puisi pilihan mereka. Walau bagaimanapun, mereka dibolehkan membawa bersama teks puisi pilihan ketika mendeklamasikannya bagi mengelak daripada terlupa yang boleh mengganggu pembacaan.

Peserta dibenarkan bergerak bebas di atas pentas dan bersesuaian dengan sajak yang disampaikan. Pergerakan yang tidak sesuai boleh mengurangkan markah.

Peserta dibenarkan membawa alat bantu (props) yang bersesuaian dan tidak pula membahayakan. Alat bantu yang menghasilkan bunyi-bunyian, berbentuk dari semua jenis alat-alat muzik termasuk pita perakam tidak dibenarkan.

## TARIKH TUTUP PENYERTAAN

4 Ogos 2008

## TEMPAT PERTANDINGAN

Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya (tertakluk kepada pindaan)

## HADIAH

Hadiah yang disediakan kepada pemenang di peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah seperti berikut :

### Kategori Bumiputera :

- a. Johan - wang tunai RM1000.00 dan sijil
- b. Naib Johan - wang tunai RM 800.00 dan sijil
- c. Ketiga - wang tunai RM600.00 dan sijil

### Kategori Bukan Bumiputera :

- a. Johan - wang tunai RM1000.00 dan sijil
- b. Naib Johan - wang tunai RM 800.00 dan sijil
- c. Ketiga - wang tunai RM600.00 dan sijil

Manakala hadiah diperingkat Kebangsaan pula adalah :

### Kategori Bumiputera :

- a. Johan -  
Wang tunai RM5,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata
- b. Naib Johan -  
Wang tunai RM3,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata
- c. Ketiga -  
Wang tunai RM2,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata

### Kategori Bukan Bumiputera :

- a. Johan -  
Wang tunai RM5,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata
- b. Naib Johan -  
Wang tunai RM3,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata
- c. Ketiga -  
Wang tunai RM2,000.00 , piala pusingan, sijil dan cenderamata

Seni mendeklamasikan puisi adalah cara penyampaian puisi ke tengah-tengah khalayak yang menitikberatkan kepada suara, penghayatan kepada isi puisi dan pergerakan atau tingkah laku yang diperagakan oleh deklamator puisi. Bagi peserta-peserta yang berpengalaman lontaran suara tinggi rendah, nada yang bersemangat atau terharu atau mendayu serta gerakan tubuh serta *gesture* yang terkawal tentunya tidak jadi masalah. Namun sebagai garis panduan yang boleh dijadikan asas bilamana peserta-peserta ingin menyampaikan puisi bolehlah melihat kepada format pemarkahan yang sudah disepakati dan yang dikira lebih *detail* dan terarah.

Pemakaian format lama yang dibahagi kepada empat perkara pokok iaitu Teknik, Gaya, Nada dan Suara dirasakan tidak banyak membantu menyelesaikan masalah yang seharusnya diambilkira seperti penggunaan Teknik yang bukan hanya gerakan kreatif saja tetapi boleh diertikan cara bergerak, cara mengolah vokal dan seumpamanya.

Sementara dalam masalah suara memang secara atomatis mencakup tentang nada suara tinggi rendah gelombang suara, artikulasi yang benar dan sekaliannya itu punya teknik-teknik yang tertentu.

Jadi untuk memberi kefahaman kepada peserta-peserta apa lagi para juri yang akan menilai penampilan yang dipersembahkan maka di bawah ini diperturunkan format baru bagi menggantikan format lama yang menekankan soal-soal suara yang didalamnya termasuk Vokal, Intonasi, Nada, Kelancaran/ Artikulasi. Kemudian gerakan pula adalah hal-hal yang bersangkutan dengan Mimik Muka, Penghayatan, Bahasa Tubuh/*Gesture* dan Penampilan.

Huralan Tentang Konsep - Istilah bagi maksud penghakiman adalah seperti berikut :

1. Vokal

Suara : Bagi deklamasi puisi kernerdekaan suara memainkan peranan yang penting. Ini adalah untuk menaikkan semangat patriotik di kalangan audien. Calon mesti memastikan mempunyai suara yang besar, lantang, parau. Keseluruhan markah ditentukan oleh kesesuaian suara bagi puisi jenis ini.

2. Intonasi

Turun naik suara peserta dapat mengawal tinggi rendah / panjang pendek suara berdasarkan maksud puisi. Kebolehan dan kecerdikan peserta mengawal intonasi menentukan markah baik atau sebaliknya. Kebolehan menggunakan jeda, patah-patah kata, hentian yang betul diambilkira.

Bunyi suara atau melahirkan atau membayangkan sesuatu perasaan, sikap, aliran atau rentak puisi. Nada dalam deklamasi mengikut mood+ sesebuah puisi. Peserta yang dapat mengikut mood dan nada bagi setiap baris, bait atau rangkap mampu memperolehi markah yang tinggi.

## **KEPUTUSAN MUKTAMAD**

Keputusan para juri adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

**Urusetia  
Sayembara Deklamasi Puisi Patriotik  
Wilayah Persekutuan Putrajaya**





*Your complimentary  
use period has ended.  
Thank you for using  
PDF Complete.*

[\*Click Here to upgrade to  
Unlimited Pages and Expanded Features\*](#)